


BAB 1 : SKALA DAN JARAK

1. Pilih **contoh skala** yang betul

1 : 250 000



1 cm mewakili 500 m

Jenis skala	Contoh skala
(a) Skala lurus	
(b) Skala penyata	
(c) Pecahan wakilan	



2. Berdasarkan pernyataan di bawah, nyatakan **jenis skala** yang betul.

Pernyataan	Jenis skala
(a) Skala dinyatakan dalam bentuk nisbah	
(b) Skala dinyatakan dalam bentuk satu garisan lurus yang dinomborkan	
(c) Skala dinyatakan dalam bentuk perkataan	
(d) Berbentuk pecahan dan dinyatakan dalam meter atau kilometer	
(e) Skala dinyatakan dalam bentuk ayat untuk memudahkan pembacaan skala	
(f) Skala ini terbahagi kepada dua jenis	

3. Berdasarkan pernyataan di bawah, nyatakan *jenis jarak* yang betul.

Pernyataan	Jenis jarak
(a) Jarak ini berdasarkan kos dan masa	
(b) Jarak ini tidak tetap dan sentiasa berubah-ubah	
(c) Jarak dari rumah Kamal ke kolam renang ialah 3.4 km	
(d) Tambang teksi dari perpustakaan ke sekolah ialah RM3.00	
(e) Jarak ini tetap dan tidak berubah-ubah	
(f) Masa perjalanan dari Johor Bahru ke Seremban ialah 3 jam	
(g) Jarak ini dinyatakan dalam unit meter atau kilometer	
(h) Setiap pagi Raden paling awal ke sekolah kerana rumahnya terletak 1.2 km dari sekolah	
(i) Kos untuk menghantar pasukan hoki sekolah ke stadium ialah RM100	

4. Nyatakan **jarak sebenar** berpandukan skala yang diberikan.

Pernyataan	Skala	Jarak sebenar (km)
Jarak rumah Kim Neo ke pusat bandar di atas peta ialah 10 cm. Berapakah jarak sebenarnya di permukaan bumi?	1 cm mewakili 2 km	
(a) Jarak dari hospital ke pejabat pos di atas peta ialah 15 cm. Berapakah jarak sebenarnya di permukaan bumi?	1 cm mewakili 0.5 km	
Jarak dari pusat bandar ke pekan Belimbing di atas peta ialah 15 cm. Berapakah jarak sebenarnya di atas permukaan bumi?		
(b) Jarak dari kedai runcit ke rumah Pak Seman di atas peta ialah 2.5 cm. Berapakah jarak sebenarnya di atas permukaan bumi?		
Jarak dari Ladang X ke Kampung Medan di atas peta ialah 7.5 cm. Berapakah jarak sebenarnya di atas permukaan bumi?	1 : 50 000	
(c) Jarak dari pejabat pos ke rumah Faseha di atas peta ialah 4.5 cm. Berapakah jarak sebenarnya di atas permukaan bumi?	1 : 200 000	